

kualiti terbaik

Cukup matang, kelihatan segar, bersih dan bebas dari sebarang kecacatan dan kerosakan fizikal.



kualiti yang diterima pasaran


Cukup matang, kelihatan segar dan bersih. Terdapat kecacatan rupa yang minimum dan bebas dari sebarang kerosakan fizikal.



X kualiti yang tidak dikehendaki pasaran

Buah yang mengalami kecacatan dan rosak.

■ Tidak cukup matang, tidak segar, kotor dan terdapat kecacatan rupa yang teruk.



■ Rosak disebabkan oleh haiwan perasak, penyakit dan kecederaan mekanikal yang boleh menjejaskan jangka hayat, pemakanan dan kualiti.



Siri Panduan **KUALITI**
RAMBUTAN



RAMBUTAN atau botaninya *Nephelium lappaceum* L. dari keluarga Sapindaceae berasal dari Malaysia dan Indonesia. Pokok Rambutan sesuai ditanam di kawasan yang suhunya di antara 26 - 28°C, dengan purata hujan tahunan di antara 1700 - 2500 mm. Pada masa ini, Rambutan ditanam di kebanyakan negara di Asia Tenggara termasuk Thailand, Burma, Vietnam, dan Indo-China. Di Malaysia, Rambutan boleh didapati di semua negeri yang ditanam secara kecil-kecilan. Penanaman secara komersial hanya terdapat di Kelantan, Johor, Pahang, Kedah dan Sarawak.

Umumnya terdapat dua kultivar Rambutan ditanam di negara ini iaitu Rambutan berkulit merah dan berkulit kuning. Terdapat banyak klon yang popular yang antaranya termasuk R134, R156, R162, R170, R191 dan R193. Bagaimanapun, dua klon yang digalakkan untuk ditanam secara komersial ialah Rambutan Deli (R191) dan 'Anak Sekolah' (R163) kerana mempunyai ciri-ciri kualiti yang dapat memenuhi kehendak pasaran, terutamanya untuk eksport.


kepentingan kualiti

Perubahan gaya hidup dan kehendak pengguna masa kini meningkatkan cabaran kepada pengeluar hasil pertanian untuk mengeluarkan produk yang bukan sahaja menepati kehendak dari aspek fizikal dan citarasa, malah juga selamat untuk dimakan. Selain dibungkus dengan sempurna, hasil pertanian perlu bebas dari sisa baki racun perosak dan memenuhi tahap kualiti fizikal yang dikehendaki pasaran.


Untuk mencapai tahap kualiti ini, Rambutan perlu dikendalikan dengan sebaiknya bermula dari amalan ladang, pengendalian lepas tuai hingga ke peringkat pemasaran. Buah Rambutan biasanya masak dan boleh dituai 100-130 hari (15-18 minggu) dari bunga kembang. Buah sebaiknya dipetik pada waktu pagi atau petang semasa cuaca agak sejuk dan terus dihantar ke pusat pembungkusan dengan secepat mungkin untuk penyediaan. Bagi mengekalkan kualiti dan kesegaran, buah Rambutan boleh disimpan sementara pada suhu 10°C dengan kadar kelembapan relatif 90-95% sehingga 2 minggu.

indeks kematangan

Tahap kematangan Rambutan terdiri daripada enam (6) indeks warna seperti berikut :




indeks 1
Hijau. Buah belum matang. Rambut dan kulit hijau dengan akar rambut agak hijau keputihan. Isi sangat pejal, kering dan sangat masam. Tidak sesuai untuk dituai.




indeks 2
Buah matang, peringkat pecah warna. Rambut hijau muda dengan akar rambut berwarna kuning kesumba. Isi masam. Belum sesuai untuk dituai.



indeks 3
Kuning Kesumba. Buah matang. Rambut hijau pucuk pisang dengan akar rambut berwarna kuning kesumba. Isi pejal dan agak manis. Sesuai dituai untuk pasaran eksport.



indeks 4
Merah Kesumba. Buah masak. Rambut hijau pucuk pisang dengan akar rambut berwarna merah kesumba. Isi pejal dan manis. Sesuai untuk pasaran tempatan dan eksport.



indeks 5
Merah. Buah masak. Rambut merah dengan warna hijau pucuk pisang pada hujung. Isi pejal manis dan peringkat terbaik untuk dimakan segar. Sesuai untuk pasaran tempatan sahaja.



indeks 6
Merah Tua. Buah terlalu masak. Rambut merah tua. Isi agak langgar daripada kulit, agak lembik, banyak jus dan rasanya agak tawar. Kurang sesuai dipasarkan.

pengelasan gred

Rambutan dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada ciri-ciri gred seperti jadual berikut :

Gred	Spesifikasi	Kelongsoran (Maksimum)
Premium	ka mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. ka juga mestilah bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan ≤5% Segar ≤5% Rosak ≤5% Kecacatan ≤5% Keseragaman saiz ≤5%
1	ka mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. ka juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan ≤5% Segar ≤5% Rosak ≤5% Kecacatan ≤10% Keseragaman saiz ≤5%
2	ka mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. ka juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan ≤5% Segar ≤5% Rosak ≤10% Kecacatan ≤10% Keseragaman saiz ≤10%

pengelasan saiz

Bagi Rambutan, saiz ditentukan oleh berat dalam unit gram (g) seperti jadual berikut :

SAIZ	KOD	BERAT (g)
Besar	L	>30
Sedang	M	20 - 30
Kecil	S	< 20